

23/06/2002

Bersatu kita teguh, berpecah kita roboh

PERASAAN masyghul yang menyelubungi Perhimpunan Agung Umno 2000 selepas Umno hilang banyak kerusi Parlimen dan Kerajaan Negeri Terengganu, telah bertukar menjadi suasana riang, yakin dan konfiden (menunjukkan kepercayaan dan kebolehan terhadap diri dan parti) pada Perhimpunan Agung ke-56 yang selesai semalam.

Pemimpin, perwakilan, pemerhati, ahli dan penyokong Umno jelas gembira kerana suhu politik sudah berubah, pulih dan tidak keterlaluan jika dikatakan masa depan Umno cerah dan cemerlang, suatu perkara yang diakui oleh parti-parti pembangkang khususnya oleh DAP.

Satu minggu satu masa amat lama dalam politik, pelbagai angkara boleh berlaku sebab itulah dalam politik tiada perkara yang tidak mustahil.

Maka lebih bijak jika Umno tidak keterlaluan bersemarak, sebaliknya lebih berwaspada adalah lebih bestari.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluahkan perasaan kekecewaannya kerana gagal mengubah nasib dan minda orang Melayu sungguhpun dia mencubanya selama 21 tahun sebagai Perdana Menteri.

Pada saya, Dr Mahathir dan kerajaan tidak boleh dipersalahkan tanpa had, banyak kemajuan telah dibuat dan dalam pelaksanaan. Tetapi masih luas bidang yang perlu diterokai dan dikuasai. Saya bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa kedudukan kuasa politik orang Melayu jauh daripada selamat. Saya berkongsi kedukaan dan kecuakannya.

Ketuanan Melayu terancam, suatu perkara yang menakut dan merunsingkan. Tetapi amat benar. Kalau Dr Mahathir tidak menyatakan apa yang benar (kerana mahu popular) secara tulus ikhlas siapa lagi mampu berbuat demikian dan berkesan? Presiden Umno dan Perdana Menteri gagal melakukan tugas dan kewajipan andainya dia tidak memberi Melayu amaran walaupun risikonya isu ini akan dipolitikkan seperti pendapat bahawa bahasa Inggeris penting dikuasai. Hanya mereka yang buta, tuli minda saja dan tidak realis, mereka yang mahu bangsanya terus mundur dan ketinggalan saja yang membangkang kita selain daripada bahasa ibunda menguasai bahasa Inggeris hatta kalau minda mampu juga bahasa-bahasa lain: Mandarin, Arab, Sepanyol, Jerman, Jepun dan yang ada nilai ekonomi dan bahasa ilmu.

Perwakilan Umno, kerana wujud keyakinan baru sebab sayangkan bangsa menerusi pendekatan baru dalam politik dan pendidikan dan ingin meningkatkan taraf dan pencapaian bangsa menyokong penuh ucapan Dr Mahathir. Persiapan dan cara pelaksanaan pendidikan menggunakan bahasa Inggeris harus dilakukan dengan amat cermat dan teliti kalau tidak padah akibatnya. Saya terawal lagi pada zaman Tun Razak pun telah menggesa agar kita jangan ketepikan bahasa Inggeris kerana saya tahu kita boleh menguasainya tanpa pula menjadikan kita "kurang Melayu" dan jadi "Inggeris celup". Saya melakukan demikian walaupun satu perkara yang tidak "politically correct" waktu itu dan sekarang pun kerana saya amat cintakan bangsa saya.

Persoalan terpenting sekarang ialah dari mana datang guru bahasa Inggeris? Ada beberapa cara untuk mengatasinya: latih segera guru bahasa Inggeris, tubuhkan kolej seperti Kirkby dan Brinsford Lodge; bawa masuk guru bahasa Inggeris dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand hatta dari India dan Pakistan.

Cabaran yang dihadapi Melayu kini amat banyak - dunia pun kita tidak kejar secara serius, begitu juga akhirat. Pakaian seperti juga kulit buku tidak menjamin orang dan isi buku itu baik. Bangsa kita terlalu asyik

mengejar simbol daripada substance (jirim) atau apa yang wajib dan asas. Mereka senang diselewengkan dengan sunnah daripada wajib. Masakan mereka diterima Allah swt sebagai orang baik kalau mereka hanya berpura-pura lebai dan turut perintahnya pada hal sebaliknya, tiada langsung melaksanakan fardu kifayah dan mengeksploitasi agama sebagai topeng. Kalau kita benar-benar ikut agama kita, bangsa Melayu dan umat Islam lain sudah jadi kuasa besar. Nabi Muhammad SAW menyeru kita agar kejar ilmu kita ketepikan tetapi berebut-rebut hanya mahu ikut sunnahnya. Siapa yang mereka mahu tipu?

Bangsa kita terus lemah, miskin dan di belakang orang lain. Benar taraf hidup kita telah naik, tetapi begitu juga orang lain. Jurang terus luas: tahun 1957 hanya ada 28 doktor Melayu termasuk Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Kini jumlahnya beribu tetapi doktor bukan Melayu tidak pula statik. Bilangan mereka lebih ramai. Majoriti doktor Melayu adalah doktor perubatan umum, tapi orang lain sudah menjadi pakar perubatan.

Bangsa kita janganlah menyalahkan bangsa lain, kerajaan dan Umno. Cuba salahkan diri sendiri, cermin muka kita terlebih dulu. Di Kelantan dan Terengganu keadaan juga buruk, lebih teruk lagi, walaupun kedua-duanya diperintah oleh Pas yang mengikut cerita dongeng parti yang dirahmati Tuhan. Kalau Kelantan dan Terengganu menjadi kayu pengukurannya, jelas Allah swt tidak merestui mereka. Inilah terjadi kalau kita cuba putar masa ke belakang. Lihat masa depan dan hidup selari dengan tuntutan zaman tanpa pula merosakkan akidah yang benar-benar menurut semangat dan matlamat Islam sejati, bukan yang diselewengkan.

Saya ajak pembaca kembali membaca buku Dilema Melayu dan Cabaran oleh Dr Mahathir semoga anda dapat perspektif baru ditambah pula dengan apa yang sedang dan akan berlaku. Kerukunan keluarga memang cukup penting, diwajibkan oleh Islam. Cabaran terhadap famili Melayu baik di luar bandar dan kawasan urban (bandar) kini berada dalam keadaan cemas. Kenapa lagi banyak "islamisasi" lagi banyak kemungkaran? Tepuk dada tanya selera: orang Melayu telah hilang pedoman. Itulah hasilnya apabila agama dijadikan mainan politik, agama disamakan dengan pakaian, style dan ungkapan.

Wahai Melayu! Kembali ke jalan yang benar. Harus praktikal, ikut kebudayaan bangsa (bukan tiruan, bukan Arab dan ikut yang bertamadun) dan berpegang teguh kepada agama sejati. Islam bukan sinonim dengan Arab (20 peratus bangsa Arab yang bertutur dan menyumpah dalam bahasa al-Quran bukan Islam. Kafir kata kita, bagi orang kafir kita orang sesat). Bangsa Arab Mesir ada adat resamnya yang berbeza dengan adat resam Arab Badawi, Maghribi dengan Yemen walaupun mereka seagama dan satu bahasa, samalah kita dengan orang Indonesia.

Kalau orang Melayu segan menyahut cabaran yang dilemparkan Perdana Menteri, pada zaman IT, kalau kita mahu terus hidup seperti sekarang atau kembali ke zaman batu atau jahiliah, mindset kita minda silam, itulah tanda bangsa kita akan menambahkan problem pada diri sendiri. Kerajaan dan Umno akan terus berusaha menukar minda Melayu agar sezaman atau kontemporari tetapi kalau mereka tidak mahu mengubahnya mereka tidak boleh apa-apa. Allah berfirman Ia tidak akan membantu satu bangsa yang tidak ada usaha dan inisiatif sendiri.

Dalam keadaan gelisah dan khuatir ini pun saya optimis bangsa Melayu akan bangun dan insaf. Mereka akan bergerak menuju ke arah memartabatkan diri mereka. Cara terbaik dan paling berkesan ialah perbetulkan diri sendiri terlebih dulu sebelum mereka roboh kerana segan melakukan yang wajar.

Kalau kita bersatu (kurangkan politiking) kita akan mara dan berjaya. Kalau kita terus berpecah belah apa pun sebabnya, kita akan (bukan kerana bangsa lain) hancur. Globalisasi akan menawan dan menakluki kita. Mentang-

mentang kita berjaya merobohkan Malayan Union dan mendapatkan kemerdekaan, tiada jaminan kita dapat menentang mereka yang menguasai kecanggihan ekonomi dan ilmu yang mungkin berjaya menjajah kita kembali tanpa kita sedar sekiranya tidak segera perbetul dan perkukuhkan perisai kita.

Tengoklah persembahan Korea Selatan dan Senegal pada Piala Dunia 2002 yang berlangsung sekarang. Senegal, bak negeri Perlis mampu mengalahkan pasukan hebat seperti Perancis dan Sweden. Korea Selatan pula menjadi negara Asia pertama melangkah ke sapruh akhir semalam. Kita juga boleh seperti mereka kalau kita bersemangat, gigih dan berdisiplin seperti kedua-dua negara itu.

Puteri... Barisan dinamis yang berpotensi besar

Puteri Umno yang tidak ramai, termasuklah saya yang turut memperjuangkan kewujudannya telah dirasmikan melalui peruntukan Undang-Undang Tubuh Umno. Tugas dan kewajipan terpenting Puteri Umno ialah membawa puteri Melayu dan Bumiputera ke dalam dunia politik yang moden dan wajar dengan tuntutan zaman. Puteri Umno mesti memujuk puteri Melayu terutama mereka yang segan dengan politik agar menyertainya.

Kebebasan wanita Melayu bekerja, berusaha dan mendapat pendidikan, memandu, bersukan, melancong dan banyak lagi kemerdekaan bukan datang menggolek dengan sendiri. Semua hasil daripada pendidikan terbuka dan dasar yang wajar yang kini diancam oleh golongan antimodenisasi. Mereka mahu wanita duduk di rumah: memasak, mengemas rumah, mengandung dan menghibur dan memuaskan nafsu suami.

Kemerdekaan mencari rezeki yakni bekerja di luar rumah bahkan di luar daerah pun, mempunyai profesion dan memilih gaya hidup memang menghadapi bahaya kerana ada puak yang mahu menjadikan negara dan masyarakat Melayu seperti di Afghanistan sewaktu diperintah Taliban. Puteri Umno hanya relevan jika ia dapat mempengaruhi puteri Melayu dan Bumiputera menghindarkan wanita dikembalikan ke zaman jahiliah. Saya percaya dengan kepemimpinan yang terbuka, sensitif, satu dinamism yang prihatin dan masa cemerlang menunggu Puteri dan Wanita Umno. Potensi Puteri dan Wanita, gabungan tenaga minda kedua, cukup menakjubkan.